

Skuad wanita raih kejuaraan hatrik, pasukan lelaki rampas emas

# UPM pameran dominasi hoki

Oleh MUHAMMAD ZUHAILY BADLISHAH dan WAN NOR ZURAIHAH WAN ALI

**KONTINJEN** Universiti Putra Malaysia (UPM) mengekalkan kemegahan selaku kuasa besar hoki bagi temasya Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SukIPT) sejak ia diperkenalkan pada 2012.

Semalam, skuad hoki wanita UPM berjaya mengekalkan pingat emas untuk tiga edisi berturut-turut selepas menewaskan Universiti Teknologi Mara (UiTM) 1-0 di Stadium Hoki Taman Daya, Johor Bahru.

Wira skuad wanita UPM, Nurul Safiqah Mat Isa yang meledak gol kemenangan menyifatkan kejayaan meraih pingat emas itu sebagai kenangan manis pada aksi penampilan pertamanya dalam temasya SukIPT.

"Sukar untuk menggambarkan perasaan saya ketika ini. Saya berasa sangat puas

kerana dapat membantu UPM menang dengan gol pada minit-minit akhir.

"Kemenangan ini cukup bermakna. Saya hadiahkan kejayaan ini kepada diri sendiri dan juga untuk UPM kerana dapat mempertahankan gelaran juara," katanya kepada *Kosmo!* semalam.

Selain pasukan wanita, skuad lelaki UPM turut meraikan kejayaan serupa apabila menewaskan juara bertahan, Universiti Malaya (UM) untuk meraih pingat emas.

Skuad naib juara pada edisi SukIPT 2014 itu mencatat kemenangan 3-2 ke atas UM menerusi penentuan pukulan penalti selepas terikat 1-1.

Pada perlawanan itu, UM terlebih dahulu mencetak gol menerusi Muhammad Azrul Hasbullah sebelum Faridzul Afiq Mohd. membantu UPM mengikat kedudukan.

Kemenangan UPM hadir selepas Harvinder Singh, Muhammad Najmi Farizal Jazlan dan Muhammad Shahril Saabah meledak tiga gol penentuan penalti bagi



SKUAD hoki lelaki dan wanita UPM masing-masing meraih pingat emas pada aksi final di Johor Bahru semalam.

mengatasi UM yang sekadar mencetak dua jaringan menerusi Mohd. Fitri Saari serta Azammi Adabi.

"Kami mendominasi perlawanan, tetapi gagal memanfaatkan peluang gol. Memang

sasaran kami untuk mengulangi pingat emas tetapi bukan rezeki kami kali ini. Sekurang-kurangnya kami kalah bermaruah," ujar kapten pasukan UM, Mohd. Fitri.

